

P E K E L I L I N G



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bilangan 9 Tahun 2018

**CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENSYARAH SAMBILAN
(SEPENUH MASA)
(*Part Time Full Time / PTFT*)
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai penambahbaikan Garis Panduan Pelantikan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) (*Part Time Full Time / PTFT*).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengambilan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) dimulakan sejak tahun 2007 untuk memenuhi keperluan pengajaran dalam pelbagai bidang bagi menampung keperluan semasa.
- 2.2 Pekeliling Akademik yang terpakai mengenai perkara ini telah dikeluarkan pada tahun 2007 (Pekeliling Akademik Bilangan 15 tahun 2007). Ini disusuli dengan surat bertarikh 10 Ogos 2011 yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar berkenaan penurunan kuasa pelantikan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) kepada Kampus Cawangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan UiTM yang ke-126 pada 17 Jun 2011. Pekeliling dan surat pemakluman tersebut telah digunakan sebagai panduan pengambilan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) sehingga kini.
- 2.3 Perkara-perkara yang digariskan dalam panduan tersebut yang merangkumi syarat dan kriteria pemilihan serta proses pemilihan perlu dilihat semula memandangkan berlakunya perubahan masa dan amalan sejak beberapa tahun yang lalu.

- 2.4 Beberapa kesulitan telah timbul dari peningkatan pengambilan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) yang berterusan berlaku berikutan pertambahan pelajar dan kekurangan pensyarah terutama sekali di kalangan pensyarah bidang bahasa dan pengajian Islam di kampus-kampus UITM cawangan.
- 2.5 Salah satu kesulitan yang perlu diberi perhatian ialah proses pengambilan yang memakan masa dan menyebabkan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) tidak dilantik secara rasmi sebelum mereka menjalankan tugas. Hal ini juga memberi implikasi kepada kelewatan pembayaran gaji para Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) tersebut. Kriteria dan kitaran pengambilan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) harus diperhalusi dan ditambah baik.

3.0 PEKELILING BERKAITAN


Pekeliling Akademik yang terpakai mengenai perkara ini yang telah dikeluarkan pada tahun 2007 (Pekeliling Akademik Bilangan 15 tahun 2007) adalah terpinda.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 1 Oktober 2018.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Oktober 2018.



PROF. Ts. DR. HJ. MOHĀMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UITM Cawangan*

*Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Kategori Pekeliling : Garis Panduan*



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**PENAMBAHBAIKAN
GARIS PANDUAN
PELANTIKAN PENSYARAH
SAMBILAN (SEPENUH MASA)
(*Part Time Full Time / PTFT*)**

Disediakan oleh:
Bahagian Hal Ehwal Akademik & Pejabat Pendaftar

1.0 PENDAHULUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai penambahbaikan Garis Panduan Pelantikan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) (*Part Time Full Time / PTFT*).

2.0 PUNCA KELULUSAN / KUASA

- 2.1 Pekeliling Akademik Bilangan 15 tahun 2007.
- 2.2 Surat Penurunan Kuasa Pelantikan Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT) Universiti Teknologi MARA – Pejabat Pendaftar bertarikh 10 Ogos 2011 (Rujukan Kami : 500-BPD(PRJ.22/3)).
- 2.3 Jawatankuasa Kewangan & Pembangunan (JKP) bertarikh 13 Januari 2017 (Ruj. Kami: 100-BBI(PTA.9/4/1)(JKP 201/2016) – Permohonan Cadangan Semakan Semula Kadar Bayaran Untuk Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) di Universiti Teknologi MARA.

3.0 DEFINISI OPERASI

- 3.1 Seorang Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) ialah seorang pensyarah sambilan yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas pengajaran dan tugas-tugas lain yang berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) termasuk penyampaian kuliah, penyediaan pentaksiran, pengawasan peperiksaan, penyemakan tugas, pemarkahan dan lain-lain seperti mana yang ditugaskan kepada pensyarah tetap / kontrak.

Amanah Tugas Syarahan (ATS) Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) adalah merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) Universiti Teknologi MARA semasa.

Pekeliling Akademik Bilangan 5 Tahun 2017 (Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP3.0) Universiti Teknologi MARA) menggariskan ATS seperti dalam jadual berikut:

<i>Kelayakan</i>	<i>ATS</i>		<i>JUMLAH</i>
	<i>KS</i>	<i>PS</i>	
<i>Sarjana Muda</i>	18	9	27
<i>Maksimum</i>	20	10	
<i>Sarjana</i>	16	8	24
<i>Maksimum</i>	20	10	

Ketetapan keberadaan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) di kampus adalah sama dengan pensyarah tetap / kontrak.

3.2 Pengambilan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) boleh dipertimbangkan dalam keadaan berikut:

3.2.1 Terdapat kekosongan peruntukan jawatan tetap tetapi tidak dapat diisi kerana tidak cukup calon yang sesuai dan memenuhi syarat atau apabila berlaku perkara yang tidak dijangka dan ada keperluan mendesak.

4.0 SYARAT DAN KRITERIA PEMILIHAN

4.1 Mempunyai syarat asas pelantikan Gred 41 untuk pengajaran peringkat Diploma dan Gred 45 untuk pengajaran peringkat Ijazah seperti berikut:

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / PhD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti dan;
- b) Mendapat PNGK 3.0 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi untuk tahap kelayakan (Ijazah Sarjana Muda / Sarjana) yang diperlukan untuk peringkat pengajaran (Diploma / Ijazah Sarjana Muda) dan;
- c) Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat SPM atau setaraf dan;
- d) Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik.

4.2 Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana).

4.3 Mempunyai pengalaman mengajar dan kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pengajaran merupakan satu kelebihan.

4.4 Mempunyai rekod peribadi yang baik (Contoh: Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan).

5.0 PROSES PEMILIHAN DILAKSANA DI PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

5.1 Pemilihan calon untuk sesi temuduga perlu dibuat melalui proses yang teliti seperti mana pengambilan pensyarah tetap / kontrak dibuat.

Proses temuduga perlu dijalankan bagi calon-calon seperti berikut:

- a) Calon baharu
 - b) Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) yang telah tamat perkhidmatan melebihi enam (6) bulan atau satu (1) semester.
- 5.2 PTJ hendaklah mengemukakan maklumat lengkap calon berserta justifikasi keperluan lantikan dengan menyenaraikan:
- a) Faktor-faktor yang menyebabkan keperluan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) seperti pertambahan pelajar, pensyarah pencen, cuti bersalin dan lain-lain;
 - b) Jumlah kontek syarahan (KS), bilangan pensyarah yang ada, bilangan pensyarah yang memegang jawatan serta bilangan pensyarah yang diperlukan untuk mengajar satu-satu kod kursus;
 - c) Beban mengajar yang dijangka (berserta kod kursus dan jadual waktu yang dirancang);
 - d) Tugas akademik lain yang dijangka akan diberi kepada Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) (semakan kurikulum, pembangunan item bank soalan dan lain-lain).
- 5.3 PTJ hendaklah merancang / menyediakan unjuran pelantikan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) untuk tempoh enam (6) bulan atau satu (1) semester bagi memastikan kesinambungan tugas dan pelaporan pencapaian pelajar. Tugas pengajaran dan tugas akademik lain yang diberi kepada Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) mesti diperincikan dengan jelas.
- 5.4 Pelantikan mestilah dibuat sebelum semester bermula. PTJ hanya boleh membuat pelantikan apabila berlaku perkara yang tidak dijangka dan ada keperluan mendesak.
- 5.5 PTJ hendaklah mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam 3.1.4.2 kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk perakuan, selewat-lewatnya empat (4) minggu sebelum semester bermula.
- 5.6 Hanya calon-calon yang diperaku oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) akan dimajukan kepada PTJ yang melantik.
- 5.7 Surat pelantikan akan dikeluarkan oleh PTJ yang melantik dalam masa 14 hari waktu bekerja.
- 5.8 PTJ adalah bertanggungjawab memastikan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) yang dilantik diberi penerangan dan latihan mengenai sistem dan operasi akademik Universiti.

Carta Proses Pelantikan Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa)
(Part Time Full Time / PTFT)

